

14 MAR 2000

MENTERI LUAR SLOVAK MENGUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Slovak Eduard Kukan hari ini melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kompleks Pejabat Perdana Menteri di sini.

Menteri Luar Slovak itu diiringi oleh Timbalan Menteri Luar, Dr Leo Michael Toyad semasa pertemuan itu.

Kukan tiba di sini semalam kerana lawatan rasmi dua hari dalam usaha negara di Timur Eropah itu meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

Dilaporkan yang kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan misi diplomatik di ibu negara masing-masing.

Buat masa ini hal ehwal mengenai Slovak diuruskan oleh kedutaan Malaysia di Vienna sementara kepentingan Slovak di Malaysia diuruskan oleh kedutaan negara itu di Jakarta.

Slovak wujud selepas Czechoslovakia berpisah secara aman kepada dua republik -- Slovak dan Czech -- pada 1 Jan 1993.

-- BERNAMA

GM PR